

RINGKASAN EKSEKUTIF

**DASAR
BELIA
MALAYSIA**

Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
Aras 9, Menara KBS, No. 27, Persiaran Perdana, Presinct 4, 62570 Putrajaya
Tel: 03-8817 3000 Faks: 03-8888 8763



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA



Sesungguhnya, era globalisasi membawa kita ke persekitaran masa hadapan yang penuh dengan pelbagai cabaran dan tentangan. Golongan belia masa kini tidak terlepas daripada berhadapan dengan cabaran teknologi, ekonomi, sosial dan politik, yang akan mencabar kemampuan dan ketahanan mereka. Sebagai pewaris kesinambungan kepemimpinan negara pada masa hadapan, belia mesti bersiapsiaga dengan pelbagai persediaan dan kelengkapan yang secukupnya, umpama para pejuang yang sentiasa berlatih bagi menghadapi musuh di medan perjuangan.

Justeru, saya yakin KBS sentiasa peka akan persekitaran semasa dan telah merangka pelbagai inisiatif serta program yang mampu membentuk golongan belia yang berwibawa, dinamik dan progresif, termasuklah menyediakan dasar yang holistik bagi memantapkan pembangunan belia Malaysia.

Sehubungan itu, Dasar Belia Malaysia atau DBM merupakan satu dasar menyeluruh yang merangkumi kesemua kelompok belia serta bidang keutamaan yang menjadi tonggak kepada pembinaan jati diri dan modal insan belia. DBM berupaya menjadi paksi dan petunjuk kepada pembangunan belia yang mapan melalui teras serta strategi DBM yang telah digariskan.


Melalui DBM juga, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada golongan belia yang merupakan antara aset terpenting negara bagi menyambung warisan kepimpinan Malaysia pada masa hadapan. Dalam pada itu, saya menyeru agar golongan belia menyelami serta mendalami intipati DBM agar kita dapat bersama-sama berganding bahu untuk membentuk masa hadapan negara yang lebih cemerlang.

Akhir kalam, saya berharap dan sentiasa mendoakan agar segala usaha murni ini akan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada KBS yang telah menghasilkan buku DBM ini dan seterusnya memastikan pembangunan belia mencapai objektif seperti yang disasarkan. Semoga pembangunan belia di Malaysia dapat direncana dan dilaksanakan dengan penuh jayanya.



YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak





Buku Dasar Belia Malaysia (DBM) ini merupakan pengemaskinian dan penambahbaikan kepada Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN) 1997. Penambahbaikan dasar berkaitan dengan belia di negara ini dilihat amat wajar dan selari dengan persekitaran semasa serta Program Transformasi Belia Negara yang telah diumumkan dalam ucapan Bajet 2015 oleh YAB Perdana Menteri. Di samping itu, pernyataan dasar sedia ada perlu dikaji semula dari sudut kerangka kerja dan strategi pelaksanaan agar ianya relevan dalam konteks dunia pembangunan belia alaf baru tanpa menjejaskan matlamat asas dasar yang telah digubal sebelumnya.


Buku ini mengandungi pernyataan DBM serta penghurairan mekanisme pelaksanaan dasar-dasar utama yang menyokong program pembangunan belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta pemegang taruh yang lain. Dasar serta strategi pelaksanaan sedia ada telah dimurnikan dan diberi suntikan nafas baru.

Buku DBM ini seharusnya dijadikan rujukan utama dalam kalangan semua pemegang taruh belia sama ada di peringkat penggubal mahupun pelaksana dasar. KBS selaku penggubal dasar telah mewujudkan DBM sebagai rujukan, panduan serta landasan penyelarasan program pembangunan belia di Malaysia yang merentas kesemua agensi atau organisasi yang berkaitan.

Kesemua pihak telah memainkan peranan serta menunjukkan kesepaduan dalam memberikan komitmen yang tinggi semasa proses penggubalan dasar ini. Dasar ini telah turut mengambil kira cabaran pembangunan belia di peringkat global serta keperluan pembangunan belia dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Cabaran globalisasi, liberalisasi dan perkembangan teknologi maklumat serta komunikasi di alaf ini menuntut KBS mewujudkan pentas pembangunan belia yang seimbang merentas aspek sosio demografi belia.

Sehubungan itu, KBS mempunyai harapan yang tinggi untuk melihat DBM menjadi antara dasar utama negara, terutamanya dari perspektif pembangunan modal insan golongan belia. Dasar ini wajar dijadikan tulang belakang dan panduan kesemua pemegang taruh termasuk kepimpinan negara, agensi kerajaan, sektor swasta, agensi penyelidikan, pertubuhan belia, badan bukan kerajaan, masyarakat, institusi keluarga dan individu belia itu sendiri.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan yang begitu besar dan positif dalam menyediakan dasar ini. Maklum balas, pandangan serta idea yang telah dilontarkan amatlah saya hargai dan semoga hasrat murni kita dalam membangunkan belia berteraskan DBM ini terlaksana dengan jayanya dan diberkati Allah S.W.T.




Khairy Jamaluddin

PENDAHULUAN

“Dasar Belia Malaysia (DBM) ini merupakan pengemaskinian dan penambahbaikan kepada Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN) 1997. Penambahbaikan dasar berkaitan dengan belia di negara ini dilihat amat wajar dan selari dengan persekitaran semasa serta Program Transformasi Belia Negara yang telah diumumkan dalam ucapan Bajet 2015 oleh YAB Perdana Menteri. Di samping itu, pernyataan dasar sedia ada perlu dikaji semula dari sudut kerangka kerja dan strategi pelaksanaan agar ianya relevan dalam konteks dunia pembangunan belia alaf baru tanpa menjejaskan matlamat asas dasar yang telah digubal sebelumnya.”

Khairy Jamaluddin

Dalam usaha memantapkan penghasilan DBM, KBS telah melaksanakan proses semakan semula semenjak tahun 2011, dengan dua pendekatan utama.



BELIA MALAYSIA MASA KINI



SUMBER: "Understanding The Anxieties and Desires of Malaysian Youth", Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2012

CABARAN BELIA MALAYSIA

CABARAN POLITIK

- 1: Literasi Politik
- 2: Kematangan Politik
- 3: Kepimpinan
- 4: Pemikiran Global
- 5: Hubungan dalam Komuniti Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Antarabangsa



CABARAN EKONOMI

- 1: Kos Sara Hidup
- 2: Budaya Keusahawanan
- 3: Kemahiran
- 4: Pekerjaan
- 5: Belia Miskin Bandar
- 6: Migrasi Semula
- 7: Kewangan Peribadi



CABARAN SOSIAL

- 1: Pendidikan
- 2: Gejala Sosial
- 3: Kerohanian dan Keagamaan
- 4: Nilai Murni
- 5: Jati Diri dan Perpaduan
- 6: Kesukarelawanan
- 7: Kesihatan Mental dan Fizikal
- 8: Institusi Kekeluargaan
- 9: Sentuhan Insaniah
- 10: Institusi Masyarakat



CABARAN TEKNOLOGI

- 1: Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- 2: Media Digital atau Sosial
- 3: Inovasi dan Kreativiti
- 4: Sains dan Teknologi



PENYATAAN DASAR BELIA MALAYSIA (DBM)

“Memperkukuhkan dan menyerlahkan **potensi** modal insan belia sebagai **pemacu** pembangunan **strategik** negara pada **masa hadapan** berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara”



MATLAMAT DASAR BELIA MALAYSIA (DBM)

1. Meningkatkan **keterlibatan** belia sebagai **warga bertanggungjawab** dalam inisiatif di peringkat negara, serantau dan antarabangsa
2. Menyerlahkan **potensi** setiap individu belia dengan meraikan kepelbagaian dan kelainan masing-masing
3. Memperluas **akses** kepada bidang keutamaan serta **inisiatif** pembangunan belia untuk dimanfaatkan oleh kesemua kumpulan sasaran




EMPAT KONSEP DASAR BELIA MALAYSIA

DBM ini dirangka berasaskan kepada empat konsep bagi mendepani cabaran-cabaran ini melalui pengukuhan dan penyerlahan potensi golongan belia. Empat konsep DBM adalah sebagaimana berikut:



KONSEP I: HAD UMUR SETARA PIAWAIAN ANTARABANGSA

Konsep Had Umur Setara Piawai Antarabangsa menentukan had umur belia adalah berlandaskan kepada keperluan memastikan segala sumber negara disepadukan dengan sebaik mungkin untuk pembangunan belia. Pada masa sama, konsep ini dapat memenuhi keperluan pembangunan negara pada masa hadapan. Di mana, keperluan ini berasaskan peremajaan kepimpinan belia, pendayaupayaan orang muda, negara muda dan selari dengan takrifan umur di peringkat antarabangsa.



KANAK-KANAK < 18	UMUR DEWASA 18	WARGA EMAS ≥60	BELIA 15 - 24	BELIA 15 - 29	ORANG MUDA 10 - 24	REMAJA 10 - 19	BURUH 15 - 64
SUMBER: Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611)	SUMBER: Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21)	SUMBER: Dasar Warga Emas Negara	SUMBER: Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu	SUMBER: Komanwel	SUMBER: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)		SUMBER: Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)



BELIA

MUDA, PEMUDA DAN GOLONGAN MUDA
SECARA KESELURUHANNYA BAIK LELAKI
MAHUPUN WANITA

SUMBER: Kamus Dewan, 2000

KONSEP I:

HAD UMUR SETARA PIAWAIAN ANTARABANGSA

HAD UMUR BELIA

Takrifan had umur belia adalah salah satu asas penting dalam mengukur keberhasilan output sebenar pencapaian belia negara. Kriteria pengukuran setara pula merupakan suatu keperluan bagi menilai tahap pencapaian belia negara di peringkat serantau, Komanwel mahupun antarabangsa.



Takrifan umur belia baharu akan dilaksanakan pada tahun 2018 bagi memberi masa yang mencukupi untuk latihan dan peralihan kepimpinan baharu serta proses pindaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668).

RASIONAL PEMILIHAN HAD UMUR BELIA



MEMASTIKAN
KESINAMBUNGAN
KEPIMPINAN MASA
HADAPAN NEGARA



MENGURANGKAN
JURANG GENERASI
DI KALANGAN BELIA



MEMPERCEPATKAN
PROSES KEMATANGAN
GOLONGAN BELIA



MENGURANGKAN
TINGKAH LAKU BERISIKO
DALAM KELOMPOK BELIA



MENSTABILKAN IDENTITI
DIRI BELIA



MEMANTAPKAN PROSES
PEMBANGUNAN BELIA



MENENTUKAN
PENDEKATAN YANG
LEBIH SISTEMATIK KE
ARAH TRANSISI
BELIA-DEWASA




MEMANFAATKAN
TEKNOLOGI DIGITAL

KONSEP I: HAD UMUR SETARA PIAWAIAN ANTARABANGSA

POPULASI BELIA

POPULASI MALAYSIA PADA TAHUN 2013



POPULASI WARGANEGARA MALAYSIA
PADA TAHUN 2013



SUMBER: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013

- Bilangan populasi belia ini dalam jumlah yang bersesuaian untuk membolehkan segala sumber negara disepadukan bagi pembangunan belia.
- Peratusan populasi belia ini selari dengan peratusan populasi belia negara Komanwel iaitu pada purata 28 peratus.
- Peratusan populasi belia yang semakin menurun untuk 20 tahun akan datang (23.5 peratus pada tahun 2035) juga selari dengan purata populasi belia negara yang mencapai skor 10 terbaik dalam Commonwealth Youth Index 2013 iaitu pada kadar 23 peratus seperti Australia, Kanada dan Korea Selatan.

AMALAN TERBAIK ANTARABANGSA



SUMBER: www.youthpolicy.org

KONSEP II:

HOLISTIK DAN BERPANDUKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA

DBM menentukan pembangunan belia dirangka secara holistik dan berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Penumpuan diberikan kepada aspek pengukuhan dan penyerlahan potensi belia negara ke arah pembangunan belia masa hadapan yang lebih positif dan mencerminkan asas permulaan yang baik.

Oleh itu, konsep ini menghasilkan usaha pembangunan belia merangkumi keseluruhan belia negara yang dikategorikan dalam **lapan kumpulan sasaran belia** dengan aspek pengukuhan dan penyerlahan potensi modal insan belia berdasarkan **sembilan bidang keutamaan belia**.

KUMPULAN SASARAN BELIA

Lapan kumpulan sasaran belia dibentuk agar:

- memudahkan kumpulan pelaksana DBM mengenal pasti kelompok belia yang perlu diberi tumpuan berdasarkan fungsi masing-masing;
- memudahkan kumpulan pelaksana DBM membuat perancangan dan pelaksanaan pembangunan belia yang lebih strategik; dan
- membolehkan KBS membuat penyelarasan lebih baik dengan semua pelaksana setelah mengenal pasti golongan belia yang kurang diberi perhatian namun berhadapan dengan cabaran yang tinggi dalam meneruskan kelangsungan kehidupan mereka.

Lapan kumpulan sasaran belia dikategorikan kepada tiga peringkat umur untuk meningkatkan capaian pelaksanaan program pembangunan belia kepada golongan sasaran yang lebih terkhusus.



KONSEP II:

HOLISTIK DAN BERPANDUKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA



KONSEP II:

HOLISTIK DAN BERPANDUKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA

Menyerlahkan bakat dan potensi modal insan belia agar berkeupayaan menyumbang di semua peringkat kehidupan sehingga ke peringkat antarabangsa menerusi jaringan kerjasama strategik pemegang taruh berdasarkan sembilan bidang keutamaan belia seperti berikut:



KONSEP II:

HOLISTIK DAN BERPANDUKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA



BIDANG KEUTAMAAN BELIA 1 **PENDIDIKAN DAN LATIHAN KEMAHIRAN**

Memberi penekanan kepada aspek memahirkan atau membiasakan belia dengan ilmu pengetahuan dan didikan yang diterima.



BIDANG KEUTAMAAN BELIA 2 **KENEGARAAN DAN JATI DIRI**

Memberi penekanan kepada sifat atau ciri unik dan istimewa dari segi agama, adat resam, bahasa dan budaya yang menjadi teras atau lambang keperibadian individu belia atau bangsa.



BIDANG KEUTAMAAN BELIA 3 **GAYA HIDUP SIHAT DAN SEJAHTERA**

Memberi penekanan kepada amalan cara hidup sihat secara fizikal, mental/emosi, sosial dan spiritual, aman dan makmur, tenang dan tenteram serta terpelihara daripada bencana.



BIDANG KEUTAMAAN BELIA 4 **KEPEMIMPINAN**

Memberi penekanan kepada pembangunan keupayaan belia dari segi kebolehan daya tindak-tanduk, kecekapan dan pencapaian sebagai pemimpin.



BIDANG KEUTAMAAN BELIA 5 **KESUKARELAWANAN DAN MASYARAKAT SIVIL**

Memberi penekanan kepada segala hal yang berkaitan dengan penyertaan secara sukarela dalam membentuk masyarakat yang tidak perlunya penguatkuasaan undang-undang bagi mengamalkan gaya hidup positif.



BIDANG KEUTAMAAN BELIA 6 **KEUSAHAWANAN**

Memberi penekanan kepada segala kegiatan dan kemahiran berkaitan dengan aspek keusahawanan.



BIDANG KEUTAMAAN BELIA 7 **PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

Memberi penekanan kepada penyerlahan *inquiring mind* (perasaan ingin tahu) dan *scientific mind* (minda saintifik) ke arah penjana inovasi dan kreativiti.



BIDANG KEUTAMAAN BELIA 8 **PROFESIONALISME KERJA BELIA**

Merupakan bidang baru yang memberi fokus utama dalam membangunkan keupayaan dan kompetensi Kumpulan Pelaksana Belia dalam hal berkaitan belia. Ini bertujuan supaya pihak pelaksana pembangunan belia berkeupayaan memastikan segala pelaksanaan DBM sebenar-benarnya memenuhi keperluan pembangunan belia dan menyumbang kepada pembangunan strategik negara di masa hadapan.



BIDANG KEUTAMAAN BELIA 9 **PENGIKTIRAFAN**

Memberi penekanan kepada mengiktiraf sumbangan belia dalam pembangunan negara tanpa menidakan sumbangan daripada golongan lain.

KONSEP III: FUTURISTIK, RELEVAN DAN TERKINI

DBM ini adalah suatu dasar yang melihat masa hadapan secara jangka panjang sekurang-kurangnya untuk tempoh **20 tahun** mendatang. Pada masa yang sama, pelaksanaan pembangunan belia hendaklah sentiasa relevan dan terkini dengan keperluan semasa belia.

TERAS DBM 1: PEMBANGUNAN BELIA POSITIF

ASAS 1, TERAS DBM 1: PEMBANGUNAN BELIA POSITIF – MENCAPAI MATLAMAT 8C

Mencapai Matlamat 8C dibentuk berdasarkan keperluan pembangunan belia di Malaysia. Ciri-ciri yang perlu ada pada golongan belia dalam mencapai matlamat ini adalah sebagaimana di bawah:



ASAS 2, TERAS DBM 1: PEMBANGUNAN BELIA POSITIF – PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN ASET BELIA MALAYSIA

Asas ini bertujuan melahirkan generasi belia yang sihat, penyayang dan bertanggungjawab. Ia mengandungi 48 elemen aset belia yang disesuaikan dengan keperluan negara. Kesemua elemen ini disusun berdasarkan 10 domain utama yang dikategorikan kepada dua aset iaitu:

ASET LUARAN:

- Sokongan
- Pendayaupayaan
- Batasan & Jangkaan
- Penggunaan Masa Konstruktif

ASET DALAMAN:

- Komitmen Pembelajaran
- Nilai Positif
- Kompetensi Sosial
- Identiti Positif
- Amalan Gaya Hidup Sihat
- Keagamaan

KONSEP III: FUTURISTIK, RELEVAN DAN TERKINI

TERAS DBM 2: DARI BELIA UNTUK BELIA

Teras ini merupakan suatu proses berterusan bagi meningkatkan kapasiti kesejahteraan hidup komuniti belia dengan memanfaatkan pelbagai sumber melalui penghasilan bersama. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan penyertaan belia sebagai warganegara dalam menyumbang kepada pembangunan negara melalui peningkatan penyertaan belia dalam komuniti.

Oleh itu, Teras DBM 2: Dari Belia Untuk Belia adalah berasaskan kepada lima elemen utama, iaitu:

TINGKAT PENYERTAAN WARGANEGARA

MEMANFAATKAN PELBAGAI SUMBER DAN PENGHASILAN BERSAMA

PENDAYAUPAYAAN

PENGLIBATAN

PENYERTAAN

TERAS DBM 3: BELIA SEBAGAI SUMBER DAN ASET NEGARA



PENDIDIKAN
TIDAK FORMAL



DASAR LATIHAN
BELIA



BADAN
PENASIHAT BELIA



PERUNDANGAN
BELIA



DASAR
MAKLUMAT BELIA



DASAR PELBAGAI
PERINGKAT



PENYELIDIKAN
BELIA



PENYERTAAN
BELIA



KERJASAMA
ANTARA
KEMENTERIAN



INOVASI



DANA
PEMBANGUNAN
BELIA

KONSEP III: FUTURISTIK, RELEVAN DAN TERKINI

MEKANISME PENILAIAN DBM

Mekanisme Penilaian DBM dirangka bagi memastikan segala pelaksanaan DBM yang melihat masa hadapan sentiasa relevan dan terkini dalam memenuhi keperluan pembangunan belia semasa. Pada masa ini, Mekanisme Penilaian menetapkan 6 penilaian utama:



KONSEP IV: MERENTAS PELAKSANA DAN GENERASI

KONSEP MERENTAS PELAKSANA

Konsep Merentas Pelaksana merupakan ketetapan DBM untuk memastikan pembangunan belia di negara ini adalah secara bersama berdasarkan fungsi dan keupayaan setiap pelaksana.

Sehubungan itu, DBM telah mengenal pasti 10 kumpulan pelaksana ataupun pemegang taruh ke atas pembangunan belia iaitu:



KBS SEBAGAI PENYELARAS PEMBANGUNAN BELIA

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 Februari 2011 telah memutuskan untuk KBS menjadi penyelaras bagi semua kementerian dan agensi dalam bidang kepakaran belia dan tidak bertindak secara bersendirian. Suatu jawatankuasa akan ditubuhkan bagi merancang, menyelaras, melaksanakan, memantau dan menilai program dan aktiviti setiap Bidang Keutamaan Belia. Jawatankuasa ini akan dikenali sebagai Jawatankuasa Bidang Keutamaan Belia dengan dipengerusi dan diurussetiakan oleh KBS dan dilaksanakan secara berkala. Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB).

KONSEP IV: MERENTAS PELAKSANA DAN GENERASI

PENDAYAUPAYAAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN PERINGKAT NEGERI / DAERAH

Belia – Pelaksana program belia	Program belia: berkeperluan tempatan/negara, pendekatan <i>bottom-up/top-bottom</i> , sokongan pembangunan belia, <i>Youth Adult Partnership</i>	Jabatan di peringkat Negeri dan Daerah – penyelarasan, pemantauan dan penilaian (pelaporan) peringkat negeri/daerah, pembimbing/penasihat + pemudah cara + mentor + <i>coach</i> kepada belia, tempat rujukan kepada maklumat mengenai belia	Sokongan kepada fungsi Jabatan di peringkat Negeri dan Daerah – Latihan semula dan Bimbingan (Bidang Keutamaan Belia : Profesionalisme Kerja Belia), KPI, panduan pelaksanaan fungsi, peruntukan kewangan yang bersesuaian
---------------------------------	--	--	--

FASA-FASA DI BAWAH KONSEP MERENTASI GENERASI

Pembangunan modal insan di setiap fasa di bawah ini hendaklah berintegrasi dan saling berhubungan.

FASA 1: INSTITUSI PERKAHWINAN

Bermula ketika pemilihan pasangan untuk berkahwin, proses perkahwinan dan pasca perkahwinan

FASA 2: KANAK-KANAK

Melibatkan golongan kanak-kanak yang bermula daripada dalam kandungan ibunya sehingga berusia 14 tahun

FASA 3: BELIA

"Individu belia yang berumur di antara 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun"
Fokus utama DBM - 8 Kumpulan Sasaran Belia

FASA 4: DEWASA

Pada waktu seseorang berumur 30 tahun sehingga sebelum mencapai umur warga emas

Fasa 5: WARGA EMAS

Umur 60 tahun ke atas

KONSEP IV: MERENTAS PELAKSANA DAN GENERASI

KONSEP MERENTAS GENERASI



Daripada perspektif pembangunan belia, segala usaha yang dilakukan dalam tempoh seseorang itu berumur belia adalah dianggap sebagai Strategi Penggalakan. Dalam memperkukuhkan dan menyerlahkan potensi belia pula, tindak tanduk yang dilakukan sebelum Fasa Belia adalah dikategorikan sebagai Strategi Intervensi. Manakala, kesan daripada Pelaksanaan Strategi Penggalakan dan Intervensi akan dapat dilihat pada ketika umur dewasa dan warga emas yang mana sebarang usaha penambahbaikan diistilahkan sebagai Strategi Pasca Belia.

Konsep Merentas Pelaksana dan Generasi DBM ini dijangka akan memberi kesan terhadap pelaksanaan pembangunan belia. Di mana, kumpulan pelaksana perlu bersedia untuk:

- menerima golongan kanak-kanak menjadi belia impian negara;
- membina generasi belia masa hadapan oleh belia menerusi strategi intervensi bermula daripada pemilihan pasangan untuk berkahwin dan membina keluarga;
- mendapatkan semula semua golongan belia yang berada di luar 'sistem' supaya turut merasakan mereka memberikan sumbangan positif kepada negara dalam pelbagai bidang; dan
- menyediakan golongan belia untuk menjadi golongan dewasa dan warga emas yang sentiasa aktif memberikan nilai tambah kepada negara dalam pelbagai sektor kehidupan.


KE ARAH 2035

STRATEGI PELAKSANAAN DBM

Mengambil kira belia adalah golongan yang dinamik, DBM tidak menyediakan sebarang pelan strategi khusus untuk dilaksanakan sepanjang tempoh pelaksanaan. Sebaliknya, DBM berfungsi sebagai panduan dalam penghasilan Pelan Strategi Pelaksanaan DBM yang akan selari dengan perancangan rancangan pembangunan negara iaitu Rancangan Malaysia Lima Tahun bermula daripada Rancangan Malaysia Ke 11 hingga 14 (RMK11 - RMK14).

STRATEGI PELAKSANAAN DBM

DBM adalah panduan kepada:



Tahun 2015: tahun asas ke atas pelaksanaan Mekanisme Penilaian DBM

KERANGKA KERJA BAGI STRATEGI PELAKSANAAN DBM




KE ARAH 2035


PENGUKUHAN DAN PENYERLAHAN POTENSI MENERUSI EKOSISTEM PENDAYAUPAYAAN BELIA

Ekosistem pendayaupayaan belia ini adalah salah satu faktor kritikal dalam menentukan kejayaan strategi dan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan DBM. Dalam melangkah ke hadapan, ekosistem ini akan diperkukuhkan dan diserlahkan potensinya agar hasrat DBM untuk membuka ruang yang lebih luas kepada golongan belia untuk bersama-sama menyumbang dalam pembangunan negara tercapai.

EKOSISTEM PENDAYAUPAYAAN BELIA



PENGUKUHAN DAN PENYERLAHAN POTENSI EKOSISTEM PENDAYAUPAYAAN BELIA



STRUKTUR KBS UNTUK DBM

KBS adalah penyelararas pembangunan belia. Struktur KBS dikaji semula secara keseluruhannya terutama dari segi penjenamaan semula, tenaga kerja dan sebagainya.

DASAR BELIA MALAYSIA SEPINTAS LALU

DASAR PEMBANGUNAN BELIA NEGARA 1997

MATLAMAT Mewujudkan Belia Malaysia Yang Memiliki Peribadi Yang Bersepadu
TAKRIFAN UMUR BELIA 15 - 40 tahun
TUMPUAN UTAMA PELAKSANAAN PROGRAM <ul style="list-style-type: none"> • 18 - 24 tahun • 4,233,200 Orang <small>Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013</small>
KUMPULAN SASAR 15 - 40 tahun
KONSEP, TERAS DAN BIDANG KEUTAMAAN Tiada Dinyatakan
STRATEGI PELAKSANAAN 7 Strategi Utama
PELAN TINDAKAN/ STRATEGI PELAKSANAAN Berdasarkan 7 Strategi Utama
MEKANISME PENILAIAN Berasaskan program



DASAR BELIA MALAYSIA
MATLAMAT Memperkukuh dan Menyerlahkan POTENSI Modal Insan Belia
TAKRIFAN UMUR BELIA ≥ 15 DAN < 30 TAHUN
TUMPUAN UTAMA PELAKSANAAN PROGRAM ≥ 15 DAN < 30 TAHUN 9,411,600 ORANG MERENTAS GENERASI DAN MERENTAS PELAKSANA <small>Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013</small>
KUMPULAN SASAR 8 KUMPULAN SASARAN BELIA
KONSEP, TERAS DAN BIDANG KEUTAMAAN 4 KONSEP 3 TERAS 9 BIDANG KEUTAMAAN
STRATEGI PELAKSANAAN Merentas GENERASI Dan Merentas PELAKSANA
PELAN TINDAKAN/ STRATEGI PELAKSANAAN Selari dengan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMK11 - RMK14). Penghasilan perincian dalam Pelan Strategik di peringkat Kementerian dan Negeri
MEKANISME PENILAIAN 6 PENILAIAN UTAMA

